



PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6 TAHUN 2022

DASAR DAN GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI AKADEMIK SERTA LANTIKAN BAHRU KE GRED DS51/52 KE ATAS (2022)

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

1. TUJUAN

- 1.1. Dokumen Dasar dan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik Serta Lantikan Baharu Ke Gred 51/52 Ke Atas (2022) ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat, kriteria pemarkahan dan proses kerja bagi kenaikan pangkat serta lantikan baharu untuk pegawai akademik atau calon pegawai akademik UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH seperti berikut:-
- a) kenaikan pangkat dari Gred DS45 (Pensyarah) ke Gred DS51/52 (Pensyarah Kanan) atau lantikan baharu ke Gred DS51 (Pensyarah Kanan);
 - b) kenaikan pangkat dari Gred DS51/52 (Pensyarah Kanan) ke Gred DS53/54 (Profesor Madya) atau lantikan baharu ke Gred DS53 (Profesor Madya);
 - c) kenaikan pangkat dari Gred DS53/54 (Profesor Madya) ke Gred VK7 (Profesor Universiti) atau lantikan baharu ke Gred VK7 (Profesor Universiti).

1.2. Dasar dan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik Serta Lantikan Baharu Ke Gred 51/52 Ke Atas (2022) ini adalah untuk menggantikan Garis Panduan Urusan Kenaikan Pangkat Pensyarah UniSHAMS (2018).

1.3. Garis panduan ini juga terpakai untuk lantikan baharu bagi jawatan Pensyarah Gred DS51/52 dan ke atas bertaraf tetap atau kontrak.

1.4. Garis panduan ini juga adalah tertakluk kepada garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang diluluskan oleh LPU.

2. LATAR BELAKANG

2.1. UniSHAMS mempunyai dasar sentiasa menggalakkan pegawai akademik untuk meningkatkan kemajuan dalam kerjaya.

2.2. Kenaikan pangkat pegawai akademik adalah **berasaskan tahap kecemerlangan akademik** yang ditunjukkan oleh pegawai akademik berkenaan.

2.3. Kenaikan pangkat dan lantikan baharu adalah melalui permohonan. Semua permohonan akan diproses dengan saksama dan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kesepakaran yang dibentuk dengan kuasa Lembaga Pengelola Universiti.

3. TAFSIRAN

3.1. Dalam dokumen ini:

- 3.1.1. "Pegawai Akademik" adalah bermaksud seseorang yang dilantik dan menandatangani suatu kontrak perkhidmatan dengan Universiti;
- 3.1.2. "Waran Perjawatan" adalah bilangan perjawatan bagi skim perkhidmatan DS51/52, DS53/54 DAN VK7 yang diluluskan oleh LPU untuk tahun semasa.
- 3.1.3. "Pihak Berkuasa" adalah LPU atau jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh LPU untuk urusan kenaikan pangkat sepetimana di dalam Perlembagaan UniSHAMS dan di dalam Had Kuasa Pihak Berotoriti (Limits of Authorities).
- 3.1.4. "LPU" merujuk kepada Lembaga Pengelola Universiti.
- 3.1.5. "Kenaikan Pangkat" adalah bermaksud peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Pengelola Universiti (LPU).

4. SYARAT KELAYAKAN

4.1. Kenaikan Pangkat/ Lantikan Baharu ke Gred DS51/52

Bagi pegawai akademik yang sedang berkhidmat di Gred DS45 (Pensyarah) di UniSHAMS serta bagi calon luar, yang memohon ke Gred DS51/52 (Pensyarah Kanan), adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat atau lantikan baharu ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 apabila telah memenuhi SEMUA syarat berikut :-

- (i) Calon hendaklah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya;
- (ii) Memenuhi salah satu syarat memohon berikut:-
 - (a) Sekurang-kurangnya **dua (2) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** yang terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama); atau
 - (b) **Satu (1) Refereed Journal** terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama) DAN satu (1) buah Buku Ilmiah.

- (iii) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang memenuhi Kriteria Pemarkahan Kecemerlangan Akademik Bagi Kenaikan Pangkat (Seperti di **Lampiran A**);
- (iv) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 80% bagi tiga (3) tahun sebelumnya;
- (v) Melepas (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (vi) Bebas dari tindakan tatatertib;
- (vii) Membuat permohonan menggunakan kaedah permohonan yang ditetapkan. Permohonan perlu diperakujan oleh Naib Canselor/Ketua KPB/Ketua Jabatan di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing dan dinilai oleh Jawatankuasa Kesepakaran UniSHAMS.

Walau bagaimanapun, UniSHAMS menyediakan saluran khas kenaikan pangkat secara automatik ke Gred DS51/52 untuk pegawai akademik **warganegara** Gred DS45 dengan PhD atau tanpa PhD. Sila rujuk **PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2022 : KELONGGARAN SYARAT BAGI KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH GRED DS45 KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS51/52 SECARA AUTOMATIK BAGI PEGAWAI AKADEMIK WARGANEGARA**.

4.2. Kenaikan Pangkat/ Lantikan Baharu ke Gred DS53/54

Bagi Pegawai Akademik jawatan **Pensyarah Kanan Gred DS51/52** dan calon luar adalah layak untuk memohon bagi kenaikan pangkat/lantikan ke jawatan **Profesor Madya Gred DS53/54** apabila telah memenuhi SEMUA syarat berikut :

- (i) Calon hendaklah memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya;
- (ii) Memenuhi SEMUA syarat memohon seperti berikut:
 - (a) Sekurang-kurangnya **lima (5) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)**, dengan secara minimum dua (2) terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama);
 - (b) **Satu (1) buah Buku Ilmiah** iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
 - (c) sekurang-kurangnya **menyelia dua (2) calon Sarjana** yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (iii) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang memenuhi Kriteria Pemarkahan Kecemerlangan Akademik Bagi Kenaikan Pangkat seperti di **Lampiran A**;

- (iv) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 80% bagi tiga (3) tahun sebelumnya;
- (v) Melepassi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (vi) Bebas dari tindakan tatatertib;
- (vii) Permohonan diperakukan oleh Naib Canselor/Ketua KPB/Ketua Jabatan di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing dan dinilai oleh Jawatankuasa Kesepakaran UniSHAMS.

4.3. Kenaikan Pangkat/ Lantikan Baharu ke Gred VK7

Bagi Pegawai Akademik **Gred DS53/54 (Profesor Madya)** dan calon luar adalah layak untuk memohon ke jawatan **Gred VK7 (Profesor Universiti)** apabila telah memenuhi SEMUA syarat berikut:-

- (i) Calon hendaklah memperolehi Ijazah Kedoktoran daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya;
- (ii) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 80% bagi tiga (3) tahun sebelumnya;
- (iii) Melepassi (lulus) semua tahap penilaian dalam perkhidmatan yang ditetapkan;
- (iv) Bebas dari tindakan tatatertib;
- (v) Memenuhi SEMUA syarat memohon seperti berikut:-
 - (a) Sekurang-kurangnya **sepuluh (10) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** dengan secara minimum lima (5) terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama);
 - (b) **Dua (2) buah Buku Ilmiah** iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
 - (c) Sekurang-kurangnya **menyelia satu (1) calon Doktor Falsafah** yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- (vi) Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang memenuhi Kriteria Pemarkahan Kecemerlangan Akademik Bagi Kenaikan Pangkat seperti di **Lampiran A**; dan
- (vii) Permohonan diperakukan oleh Naib Canselor / Ketua KPB / Ketua Jabatan di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing dan dinilai oleh Jawatankuasa Kesepakaran UniSHAMS.

5. KRITERIA PENILAIAN

5.1. Prinsip umum penilaian kenaikan pangkat / lantikan baharu oleh Jawatankuasa Kesepakaran adalah seperti berikut:-

- (i) Penilaian untuk permohonan kenaikan pangkat adalah berdasarkan hasil kerja dan sumbangan **selepas** seseorang calon menjawat gred yang terkini.
- (ii) Aktiviti-aktiviti berikut akan dinilai mengikut jadual dibawah:
 - (a) pengajaran dan penyeliaan;
 - (b) penyelidikan dan penerbitan;
 - (c) perundingan dan kepakaran;
 - (d) persidangan;
 - (e) khidmat kepada Universiti;
 - (f) khidmat kepada masyarakat;
 - (g) sanjungan dan kepimpinan

Kriteria	Pensyarah Kanan (DS51/52)	Profesor Madya (DS53/54)	Profesor (VK7)
1. Pengajaran	40	25	10
2. Penyeliaan	15	15	20
3. Penyelidikan	15	20	25
4. Penerbitan	20	30	35
5. Perundingan, penasihat,pakar rujuk	10	10	10
6. Sanjungan dan kepimpinan akademik	10	10	10
7. Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat	10	10	10
JUMLAH MARKAH	120 (100%)	120 (100%)	120 (100%)
MARKAH LAYAK			
Calon dengan PhD	70 (75%)	90 (75%)	100 (80%)
Calon tanpa PhD	100 (92%)	115 (100%)	187.50 150%)

5.2. Calon hendaklah memenuhi Kriteria Pemarkahan Kecemerlangan Akademik Bagi Pertimbangan Kenaikan Pangkat/ Lantikan Pegawai Akademik Bagi Gred DS51/52, DS53/54 dan VK7 seperti di

Lampiran A serta memperolehi Markah Layak yang minimum. Pencapaian Markah Layak adalah seperti di bawah:

MARKAH LAYAK		
Gred	Calon dengan PhD	Calon tanpa PhD
Ke DS 51/52	70 (75%)	100 (92%)
Ke DS 53/54	90 (75%)	115 (100%)
Ke VK7	100 (80%)	187.50 (150%)

6. KAEADAH PERMOHONAN

- 6.1. Seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat atau lantikan jika pegawai itu telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dan keperluan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.
- 6.2. Calon luar boleh dicalonkan oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa tanpa melalui Dekan Kulliyyah / Pengarah Pusat Akademik.
- 6.3. Permohonan hendaklah lengkap diisi dan diperakukan dan disokong oleh Naib Canselor / Ketua KPB / Ketua Jabatan untuk proses selanjutnya.
- 6.4. Sebarang perubahan skim perkhidmatan di sektor kerajaan tidak mengikat UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH untuk perubahan Skim Perkhidmatan UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- 6.5. Carta Alir proses bagi kenaikan pangkat / lantikan baharu Pegawai Akademik UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH adalah seperti di **Lampiran B**.

7. DIBACA BERSAMA

- 7.1. Garis panduan ini perlu dibaca bersama Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pegawai UniSHAMS (2018), Skim Perkhidmatan KUIN (2017) dan Garis Panduan Kelonggaran Syarat Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred DS45 Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 Secara Automatic Bagi Pegawai Akademik Warganegara, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

7.2. Garis Panduan Urusan Kenaikan Pangkat Pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Tahun 2018) dengan ini **TERBATAL**.

8. TARIKH KUATKUASA

Dokumen Dasar dan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik Serta Lantikan Baharu Ke Gred 51/52 Ke Atas (2022) ini akan berkuatkuasa **SERTA MERTA**.



(HAJI MOHD FAHMI BIN SHEIKH OMAR)

Pendaftar

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Tarikh : 31 Disember 2022

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT / LANTIKAN STAF
AKADEMIK
(BAGI GRED DS51/52, DS53/54 DAN VK7)**

KOMPONEN	MARKAH			GLOSARI
	GRED	PENGAJARAN	PENYELIAAN	
1. <u>PENGAJARAN DAN PENYELIAAN</u>				
1.1 <u>PENGAJARAN PERDANA</u>				
1.1.1 PhD/Sarjana/Pasca Doktoral	DS51/ 52	40	10	Program Perdana bermaksud pengajaran kursus-kursus yang ditawarkan oleh Universiti bagi program PhD, DBA, Sarjana, Diploma Pascasiswazah, Sarjana Muda atau Diploma yang tidak berbayar.
1.1.2 Diploma Pascasiswazah/Sarjana Muda/Diploma	DS53/ 54	25	15	Bagi Kulliyah / Pusat yang tiada program / Sarjana / PhD, penyeliaan boleh digantikan seperti yang dinyatakan dalam Borang KPI iaitu penyelia projek pelajar Sarjana / Sarjana Muda / Diploma tahun akhir, penyelia latihan mengajar / Internship (Kaunseling) / Latihan Industri / Praktikum Kerja Lapangan (Psikologi).
	VK7	10	20	
		1.0/kredit		
1.2 <u>PENYELIAAN (MOD A dan MOD B)</u>				
1.2.1 Penyeliaan Penuh (MOD A)				Bagi penyeliaan pelajar yang mengikuti program melalui penyelidikan, markah diberikan setelah pelajar lulus.
(i) PhD		12.0/pelajar		Markah yang sama akan diberikan kepada Jawatankuasa jika terdapat dua atau lebih penyelia kedua.
a. Penyelia Utama / Perseorangan		8.0/pelajar		Markah adalah sama jika menjadi Penyelia Bersama di Universiti lain
b. Penyeliaan Kedua / Jawatankuasa				Untuk VK7 markah minimum penyeliaan adalah tidak kurang daripada 12 markah dan dikumpul melalui 1.2.1 (i) a.
(ii) Sarjana		5.0/pelajar		Untuk DS54 markah minimum penyeliaan adalah tidak kurang daripada 5 markah.
a. Penyelia Utama		3.0/pelajar		
b. Penyelia kedua / Jawatankuasa				

<p>1.2.2 Penyelidikan (MOD B)</p> <p>(i) Sarjana</p> <p>a. Penyelia Utama</p> <p>b. Penyelia kedua / Jawatankuasa</p>	<p>3.0/pelajar</p> <p>1.0/pelajar</p>	<p>Penyelidikan (Mod B) bermaksud program yang mempunyai mod penyelidikan dan kursus. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Penyeliaan secara jawatankuasa diberi markah sama dengan penyelia kedua. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p>								
<p>1.2.3 Sarjana Muda</p> <p>(i) Latihan Ilmiah / Projek Sarjana Muda</p> <p>(ii) Latihan Mengajar /Latihan Industri /Praktikum</p>	<p>0.5/pelajar</p> <p>0.25/pelajar</p>	<p>Latihan Ilmiah dan Projek Sarjana Muda hendaklah mengambil masa sekurang - kurangnya satu semester. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Markah diberikan kepada pelajar-pelajar yang lulus sahaja. Maksimum 10 markah sahaja.</p> <p>Markah diberikan berdasarkan surat lantikan rasmi</p>								
<p>2. PENYELIDIKAN</p> <p>2.1 GERAN ANTARABANGSA</p> <p>2.1.1 Ketua Projek</p> <p>2.1.2 Ahli Penyelidik</p>	<table border="1" data-bbox="983 743 1253 886"> <thead> <tr> <th>GRED</th> <th>MARKAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DS51/52</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>DS53/54</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>VK7</td> <td>25</td> </tr> </tbody> </table> <p>10/projek</p> <p>8.0/projek</p>	GRED	MARKAH	DS51/52	10	DS53/54	20	VK7	25	<p>Markah penyelidikan diambil kira bagi penyelidikan yang berstatus telah disiapkan.</p> <p>Ketua projek adalah ketua penyelidik bagi sesuatu projek.</p> <p>Ketua akan mendapat markah penuh.</p> <p>Sekiranya ahli melebihi 4 orang, jumlah markah akan didarabkan dengan 4 dan dibahagikan dengan jumlah bilangan ahli.</p>
GRED	MARKAH									
DS51/52	10									
DS53/54	20									
VK7	25									

2.2 <u>GERAN KEBANGSAAN</u>		
2.2.1 Ketua Projek	8.0/projek	<p>Markah penyelidikan diambil kira bagi penyelidikan yang berstatus telah disiapkan.</p> <p>Ketua projek adalah ketua penyelidik bagi sesuatu projek.</p>
2.2.2 Ahli Penyelidik	5.0/projek	<p>Ketua mendapat markah penuh.</p> <p>Sekiranya ahli melebihi 4 orang, jumlah markah akan didarabkan dengan 4 dan dibahagikan dengan jumlah bilangan ahli. Calon boleh menambah markah penyelidikan daripada bagi lebihan markah penerbitan sehingga maksimum 10 markah sahaja.</p>
2.3 <u>GERAN UNIVERSITI</u>		
2.3.1 Ketua Projek	4.0/projek	<p>Markah penyelidikan diambil kira bagi penyelidikan yang berstatus telah disiapkan.</p> <p>Ketua projek adalah ketua penyelidik bagi sesuatu projek.</p>
2.3.2 Ahli Penyelidik	2.0/projek	<p>Ketua akan mendapat markah penuh.</p> <p>Sekiranya ahli melebihi 4 orang, jumlah markah akan didarabkan dengan 4 dan dibahagikan dengan jumlah bilangan ahli.</p>
2.4 <u>GERAN INDUSTRI</u>		
2.4.1 Ketua Projek	8.0/projek	<p>Markah penyelidikan diambil kira bagi penyelidikan yang berstatus telah disiapkan.</p> <p>Ketua projek adalah ketua penyelidik bagi sesuatu projek.</p>
2.4.2 Ahli Penyelidik	6.0/projek	<p>Ketua mendapat markah penuh.</p>

2.5 <u>GERAN PERMINDAHAN ILMU TANPA BIAYA (BERDAFTAR DENGAN UNIVERSITI)</u>	3.0/projek	Bagi penyelidikan tanpa geran, penyelidikan berkenaan hendaklah didaftarkan dengan RMC dan laporan penyelidikan dikemukakan untuk simpanan RMC							
	<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th>GRED</th><th>MARKAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DS51/52</td><td>10</td></tr> <tr> <td>DS53/54</td><td>15</td></tr> <tr> <td>VK7</td><td>30</td></tr> </tbody> </table>	GRED	MARKAH	DS51/52	10	DS53/54	15	VK7	30
GRED	MARKAH								
DS51/52	10								
DS53/54	15								
VK7	30								
3. <u>PENERBITAN BUKU (CETAKAN @ ELEKTRONIK)</u>		Buku Karya Asli bermaksud buku-buku berbentuk ilmiah yang melalui proses penilaian <i>peer review</i> dan diterbitkan serta digunakan sebagai sumber rujukan (Laporan penyelidikan yang dicetak tidak termasuk dalam kategori ini).							
3.1 <u>BUKU KARYA ASLI-</u>									
(i) Karya Asli berwasit terbitan penerbit universiti atau terkemuka dan mengikut piawaian kebangsaan atau antarabangsa	10.0/buku	Contoh penerbitan kebangsaan adalah semua penerbitan yang didaftarkan di bawah MAPIM , ISBN yang terdaftar di bawah RMC yang dikira di dalam pengiraan MyRA (KPT).							
(ii) Karya bukan tertiar dan lain-lain dan mengikut piawaian kebangsaan atau antarabangsa	7.0/buku	Contoh penerbit antarabangsa Oxford, Routledge, Cambridge, Harvard, McGraw Hill, John Wiley dan seumpamanya.							
#semua bentuk buku penyelidikan termasuk buku terjemahan,buku cetakan awal,buku suntingan/adaptasi		<p>Markah yang sama (10 markah) untuk karya asli berwasit diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 20 (2×10) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p> <p>Markah yang sama (7 markah) untuk karya asli berwasit oleh lain-lain penerbit diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 14 (2×7) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p> <p>Markah yang sama (3 markah) untuk karya bukan tertiar diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 6 (2×3) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p>							

<p>3.2 BUKU TERJEMAHAN</p> <p>(i) Buku terjemahan ilmiah yang berwasit</p>	5.0/buku	<p>Buku terjemahan ilmiah ialah buku-buku ilmiah, karya asli yang diterjemahkan ke bahasa melayu atau bahasa inggeris dan telah melalui peer review</p> <p>Contoh penerbitan kebangsaan adalah semua penerbitan yang didaftarkan di bawah MAPIM, ISBN yang terdaftar di bawah RMC yang dikira di dalam pengiraan MyRA (KPT).</p> <p>Contoh penerbit antarabangsa Oxford, Routledge, Cambridge, Harvard, McGraw Hill, John Wiley dan seumpamanya.</p> <p>Markah yang sama (5 markah) untuk buku terjemahan diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 10 (2 x 5) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p>
<p>3.3 Buku popular / buku suntingan / buku cetakan awal / buku adaptasi / buku teks manual</p>	3.0/buku	<p>Buku popular ialah buku yang ditulis untuk kegunaan masyarakat awam.</p> <p>Buku-buku ini bukan kegunaan tietary dan tidak melalui proses penilaian peer review.</p>
<p>3.4 Buku laporan penyelidikan</p>	1.0/buku	<p>Buku penyelidikan ialah laporan penyelidikan yang telah dicetak. (memenuhi KPI penyelidikan yang memerlukan ianya dicetak). Markah yang sama 1.0 diberikan kepada semua pengarang.</p>
<p>3.3 BAB DALAM BUKU</p> <p>(i) Karya Asli berwasit terbitan penerbit universiti atau terkemuka dan mengikut piawaian kebangsaan atau antarabangsa</p> <p>(ii) Karya bukan tertiar dan lain-lain</p>	<p>2.5/bab</p> <p>1.0/bab</p>	<p>Markah maksimum adalah untuk tiga bab sahaja. Markah maksimum hanya 7.5 markah sahaja bagi penulis utama dan markah maksimum hanya 3 markah kepada penulis bersama.</p> <p>Markah maksimum hanya 6 markah sahaja bagi penulis utama dan markah maksimum hanya 2 markah untuk sebuah buku penulis utama / bersama.</p>

<p>dan mengikut piawaian kebangsaan atau antarabangsa</p> <p>#Bab dalam buku termasuk buku penyelidikan atau bukan buku penyelidikan</p>		
<p>3.4 <u>MONOGRAF/ LAPORAN TEKNIKAL / POLISI</u></p>	5/terbitan	Monograf / Laporan teknikal dihasilkan daripada penyelidikan/ kepakaran dengan mengemukakan surat lantikan.
<p>3.5 <u>ARTIKEL</u></p> <p>3.5.1 Jurnal/ E-jurnal Berwasit Antarabangsa (SCOPUS/WOS)</p> <p>Antarabangsa (ERA)</p> <p>Kebangsaan (MYCITE & Jurnal Kuliyah/Universiti)</p>	<p>10.0/artikel/full 5/artikel</p> <p>5.0/artikel/full 2.5/artikel</p> <p>3.0/artikel/full 2.5/artikel</p>	<p>Jurnal berwasit bermaksud artikel dinilai peer review oleh sidang pengarang jurnal.</p> <p>Markah 10 Untuk Penulis Utama, (untuk SCOPUS/WOS)</p> <p>Markah 5 untuk Penulis Bersama (untuk SCOPUS/WOS)</p> <p>Markah 3 Untuk Penulis Utama, (untuk ERA)</p> <p>Markah 1 untuk Penulis Bersama (untuk ERA)</p> <p>Pemohon perlu membuktikan artikelnya telah dinilai sekiranya diminta oleh Panel.</p>
<p>3.6 <u>JURNAL/ E-JURNAL TIDAK BERWASIT</u></p> <p>(i) Peringkat Antarabangsa</p> <p>(ii) Peringkat Kebangsaan</p> <p>(iii) Peringkat Universiti</p>	<p>2.0/artikel</p> <p>2.0/artikel</p> <p>2.0/artikel</p>	<p>Termasuk jurnal yang diterbitkan oleh badan profesional.</p> <p>Tidak melebihi daripada 2 artikel</p>
<p>3.7 <u>PROSIDING</u></p> <p>(i) Berwasit (SCOPUS)</p> <p>(ii) Tidak Berwasit</p>	<p>4.0/artikel</p> <p>1.0/artikel</p>	<p>Markah maksimum hanya untuk tiga orang sahaja bagi jurnal dan prosiding berwasit.</p> <p>Sekiranya melebihi tiga orang, markah akan dibahagi dengan bilangan penulis yang terlibat.</p>

4. SEMINAR/ PERUNDINGAN		<table border="1"> <thead> <tr> <th>GRED</th><th>MARKAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DS51/52</td><td>10</td></tr> <tr> <td>DS53/54</td><td>20</td></tr> <tr> <td>VK7</td><td>10</td></tr> </tbody> </table>	GRED	MARKAH	DS51/52	10	DS53/54	20	VK7	10	Seminar dalam negara yang dapat kelulusan kabinet atau Kementerian Pengajian Tinggi atau seminar luar negara yang diiktiraf.
GRED	MARKAH										
DS51/52	10										
DS53/54	20										
VK7	10										
4.1 SEMINAR			Sesuatu seminar dianggap sebagai seminar antarabangsa sekiranya pembentang dan peserta adalah 50% dari luar negara.								
4.1.1 Seminar Antarabangsa	<p>(i) Pengucap Utama 3.0/seminar</p> <p>(ii) Pengarah Persidangan/ Panel Institusi 2.5/seminar</p> <p>(iii) Ahli Panel/Pembentang Jemputan 2.0/seminar</p> <p>(iv) Penulis/Pembentang Kertas Kerja 1.5/seminar</p> <p>Pengucap Utama perlu menyediakan dokumen sokongan dan surat jemputan.</p> <p>Pengarah Persidangan adalah pegawai utama penganjur sesuatu persidangan. Panel institusi adalah pembentangan kertas kerja secara berkumpulan yang dibiayai oleh institusi dalam seminar yang berimpak tinggi.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada 3 penulis, markah 4.5 (3x1.5) dibahagikan kepada bilangan penulis.</p>										
4.1.2 Seminar Kebangsaan			<p>(i) Pengucap Utama 2.5/seminar</p> <p>(ii) Pengarah Persidangan/ Panel Institusi 2.0/seminar</p> <p>(iii) Ahli Panel/ Pembentang Jemputan 1.5/seminar</p> <p>(iv) Penulis/ Pembentang Kertas Kerja 1.0/seminar</p> <p>Markah perundingan diambil kira setelah sesuatu perundingan tersebut telah disiapkan dan laporan akhir telah diperakurkan oleh pembiaya.</p> <p>Perundingan kebangsaan adalah tender yang hanya dibuka kepada perunding tempatan. Pengajaran di luar pengajaran perdana adalah seperti pengendalian bengkel, kursus pendek, latihan dan pengajaran sambilan.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan surat jemputan yang disahkan Ketua Jabatan.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada 3 penulis, markah (3x1.0) dibahagikan kepada bilangan penulis.</p>								

4.2	<u>PERUNDINGAN/ MOU/ MOA (DIDAFTARKAN DENGAN UNISHAMS)</u>		
4.2.1	Perundingan Antarabangsa/ Kebangsaan		Markah perundingan diambil kira setelah sesuatu perundingan tersebut telah disiapkan dan laporan akhir telah diperakukuan oleh pembiaya.
	(i) Ketua Projek	7.0/projek	Markah perundingan diambil kira setelah sesuatu perundingan tersebut telah disiapkan dan laporan akhir telah diperakukuan oleh pembiaya.
	(ii) Ahli	5.0/projek	
4.3	<u>KHIDMAT LATIHAN</u>		
4.3.1	Pengajaran Di Luar Program Perdana (Bengkel Latihan, Kursus Pendek dan Pengajaran Sambilan)	Ketua Program: 3.0/Program Ahli : 2.0 / Program	Surat lantikan Maksimum 2 /program
4.2	<u>PENILAI/ JAWATANKUASA TEKNIKAL</u>		
4.2.1	Antarabangsa	5.0/Jkuasa	
4.2.2	Kebangsaan	3.0/Jkuasa	
4.3	<u>SARJANA/ FELO PELAWAT</u>		
4.3.1	Antarabangsa	5.0/lantikan	Markah bagi Sarjana / Felo Pelawat adalah 2 markah sahaja.
4.3.2	Kebangsaan	3.0/lantikan	
4.3.3	Felo COE (Center of Excellence)	2.0/lantikan	
4.4	<u>SIDANG EDITOR JURNAL/ MAJALAH</u>		
4.4.1	Antarabangsa	3.0/jurnal	Berdasarkan kepada kepakaran dalam bidang-bidang profesional dan atas undangan rasmi daripada pihak-pihak yang berwibawa.
4.4.2	Kebangsaan	2.0/jurnal	Markah maksimum adalah 6 markah.

<p>4.5 <u>PANEL DISKUSI DALAM BIDANG KEPAKARAN</u></p> <p>4.5.1 Antarabangsa</p> <p>4.5.2 Kebangsaan</p>	<p>3.0/diskusi</p> <p>2.0/diskusi</p>	
<p>4.6 <u>PENILAI/ PEMERIKSA TESIS</u></p> <p>4.6.1 Pemeriksa Luar</p> <p>(i) Ph.D</p> <p>(ii) DBA/Ph.D Industri (D Mgt)</p> <p>(iii) SARJANA</p> <p>4.6.2 Pemeriksa Dalam</p> <p>(i) Ph.D</p> <p>(ii) SARJANA (PENYELIDIKAN)</p> <p>(iii) SARJANA (KERJA KURSUS)</p>	<p>5.0/tesis</p> <p>3.0/tesis</p> <p>3.0/tesis</p> <p>3.0/tesis</p> <p>2.0/tesis</p> <p>1.0/projek</p>	<p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atau surat pelantikan.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atas surat pelantikan.</p>
<p>4.7 <u>PENILAI ARTIKEL JURNAL/ PROSIDING</u></p> <p>4.7.1 Antarabangsa</p> <p>4.7.2 Kebangsaan</p>	<p>5.0/artikel</p> <p>2.5/artikel</p>	

4.8	<u>PENILAI LUAR DAN AHLI LEMBAGA PENILAI KENAIKAN PANGKAT / AKREDITASI/ PENYELIDIKAN / KUALITI / KURIKULUM</u>	5.0/lantikan	Lantikan dalam / luar dengan surat rasmi
4.9	<u>ANUGERAH AKADEMIK/ INOVASI</u>		Anugerah inovasi dan lain-lain anugerah yang berkaitan dengan akademik. Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atau surat pelantikan.
4.9.1	Antarabangsa/ Khas	3.0/anugerah	
4.9.2	Kebangsaan	2.0/anugerah	Anugerah adalah seperti anugerah akademik dalam universiti, S.E.A Write Award.
4.9.3	Universiti	1.5/anugerah	Sasterawan Negara, Tokoh Maal Hijrah, Tokoh Guru, Anugerah Pendidik Cemerlang dan lain- lain.
4.10	<u>ANUGERAH PENGIFTIRAFAN</u>		
4.10.1	Antarabangsa	15.0/anugerah	
4.10.2	Kebangsaan	7.0/anugerah	Anugerah tertinggi sahaja yang diambil kira bagi projek yang sama.
4.10.3	Universiti	5.0/anugerah	
4.11	<u>ANUGERAH EKSPO PENYELIDIKAN / PERSIDANGAN</u>		
4.11.1	Antarabangsa	3.0/anugerah	
4.11.2	Kebangsaan	2.0/anugerah	Maksimum markah untuk kategori ini adalah tiga (3) sahaja.
4.11.3	Negeri /NGO	1.0/anugerah	

4.12	PENGKOMERSILAN PRODUK PENYELIDIKAN (R&D) DAN HARTA INTELEK	5.0/produk	Pengkomersilan hasil daripada penyelidikan bagi mendapatkan paten atau hakcipta.								
5.	SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT	<table border="1" data-bbox="983 282 1253 420"> <thead> <tr> <th>GRED</th><th>MARKAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DS51/52</td><td>10</td></tr> <tr> <td>DS53/54</td><td>10</td></tr> <tr> <td>VK7</td><td>10</td></tr> </tbody> </table>	GRED	MARKAH	DS51/52	10	DS53/54	10	VK7	10	Perlu mengemukakan surat lantikan
GRED	MARKAH										
DS51/52	10										
DS53/54	10										
VK7	10										
5.1	SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI										
5.1.1	Pentadbiran										
i)	TNC	10.0/penggal									
ii)	Dekan/ Pengarah	8.0/penggal									
iii)	Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah	6.0/penggal									
iv)	Penyelaras/ Ketua Program/ Ketua Unit	4.0/penggal									
v)	Pengetua Asrama	2.0/penggal									
vi)	Penasihat Persatuan Pelajar	1.0/penggal									
6.1.2	Jawatankuasa Peringkat Universiti (Bukan Berdasarkan Jawatan Pentadbiran – Cth. Ahli Senat/ Penyelaran Kualiti TLL)	2.0/Jkuasa	Jawatan yang tidak mendapat elauan berdasarkan surat lantikan rasmi								
6.1.3	Jawatankuasa Peringkat Kuliiyyah/ Pusat Pengajian	1.0/JKuasa									
6.1.4	Mewakili Universiti Dalam Sukan dan Aktiviti Bukan Akademik	2.0/aktiviti									

6.1.5	Jawatankuasa Persatuan Staf Peringkat Universiti	2.0/penggal	Pegawai yang dilantik berdasarkan keputusan mesyuarat agung. Markah maksimum adalah 2 markah.
6.1.6	Ahli Persatuan Staf/ Ikhtisas	0.5/persatuan	
6.2	<u>SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT</u>		
6.2.1	Antarabangsa	5.0/aktiviti	Sebagai aktivis NGO, sukarelawan, NGO, PIBG, ALUMNI.
6.2.2	Kebangsaan	4.0/aktiviti	Aktiviti-aktiviti yang terbuka, bebas dan tidak terhad kepada akademik, perlu ada surat sokongan.
6.2.3	Negeri	3.0/aktiviti	Termasuk aktiviti membina hubungan UniSHAMS dengan mana-mana badan korporat/negara.
6.2.4	Daerah	3.0/aktiviti	
6.2.5	NGO & Lain-lain	2.0/aktiviti	
7.	<u>KUALITI PERIBADI</u>		
7.1	<u>CIRI-CIRI PEMIMPIN</u>	i. Sentiasa menghayati dan melaksanakan ciri-ciri kualiti peribadi dengan cemerlang : 9-10 Markah ii. Menghayati dan melaksanakan ciri-ciri kualiti peribadi dengan baik : 7-8 Markah iii. Menghayati dan melaksanakan ciri-ciri kualiti peribadi dengan memuaskan : 5-6 Markah iv. Kurang menghayati dan melaksanakan	1. CIRI-CIRI PEMIMPIN Mempunyai wawasan, komitmen, kebolehan membuat keputusan, menggerak dan memberi dorongan kepada pegawai ke arah pencapaian objektif organisasi. 2. KEBOLEHAN MENGELOLA Keupayaan dan kebolehan mengembleng segala sumber dalam kawalanya seperti kewangan, tenaga, manusia, peralatan dan makluman bagi merancang, mengatur, membahagi dan mengendalikan sesuatu tugas untuk mencapai objektif organisasi. 3. DISIPLIN Mempunyai daya kawal diri dari segi mental dan fizikal termasuk mematuhi peraturan, menepati masa, menunaikan janji dan bersifat sabar.
7.2	<u>KEBOLEHAN PENGELOLA</u>		
7.3	<u>DISIPLIN</u>		

<p>7.4 <u>PROAKTIF DAN INOVATIF</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Berdasarkan Borang Penilaian Prestasi Tahun Semasa</i> 	<p>ciri-ciri kualiti peribadi : 3-4 Markah</p> <p>v. Tidak menghayati dan melaksanakan ciri-ciri kualiti peribadi : 1-2 Markah</p>	<p>4. PROAKTIF DAN INOVATIF</p> <p>Kebolehan menjangka kemungkinan, mencipta dan mengeluarkan idea baru serta membuat pembaharuan bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.</p> <p>5. JALINAN HUBUNGAN DAN KERJASAMA</p> <p>Kebolehan pegawai dalam menwujudkan suasana kerjasamayang harmoni dan mesra serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan.</p>

**PROSES KERJA BAGI GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT / LANTIKAN BAHRU
PEGAWAI AKADEMIK**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
KE PROFESOR GRED KHAS C (VK7), PROFESOR MADYA GRED DS53/54 &
PENSYARAH KANAN GRED DS51/52**

PROSES KERJA	PERKARA / AKTIVITI	DOKUMEN/ BORANG	TINDAKAN / TANGGUNGJAWAB											
	<p>Bagi Pegawai Akademik yang sedang berkhidmat dan ingin memohon kenaikan pangkat perlu mengisi Borang Permohonan Kenaikan Pangkat.</p> <p>Bagi calon luar, mereka boleh mengisi Borang Permohonan Jawatan berkaitan setelah jawatan tersebut diiklankan</p> <p>Semua ahli akademik perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan di samping menentukan Komitmen Kerjaya (3 tahun) bagi menilai kecemerlangan dalam salah satu komponen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Komponen 1 : Pengajaran & Pembelajaran (P&P) ▪ Komponen 2 : Penyelidikan & Penerbitan (P&P) ▪ Komponen 3 : Khidmat & Pentadbiran (K&P) <p>Maklumat diperakurkan melalui borang permohonan oleh Naib Canselor / Ketua KPB / Ketua Jabatan.</p> <p>Pejabat Pendaftar mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran bagi menilai calon berdasarkan Kriteria Pemarkahan Kecemerlangan Akademik Bagi Kenaikan Pangkat / Lantikan Baharu, iaitu kualiti dan kekuatan keserjanaan calon, seterusnya mengemukakan laporan.</p> <p>Keahlian Jawatankuasa Kesepakaran adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Jawatankuasa Kesepakaran</th> </tr> <tr> <td style="width: 15%;">Pengerusi</td> <td>: Pegawai Universiti yang bertaraf Profesor yang dilantik oleh Naib Canselor</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td>: Dua (2) orang Profesor dari UniSHAMS atau dari luar dan dalam bidang kepakaran calon;</td> </tr> <tr> <td>dipohon</td> <td>: Dua (2) orang Profesor Madya dari UniSHAMS dalam bidang kepakaran calon sekiranya jawatan yang adalah Profesor Madya; dan</td> </tr> <tr> <td>Setiausaha</td> <td>: Penolong Pendaftar (Gred 41 ke atas), Pejabat Pendaftar</td> </tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi boleh menjemput ahli lain yang lebih tinggi / setara sebagai Turut Hadir untuk memberikan input dalam bidang / kepakaran calon jika perlu. <p>Pejabat Pendaftar perlu memaklumkan keputusan Jawatankuasa Kesepakaran dan sebab-sebab tidak berjaya kepada calon yang tidak diperakurkan.</p> <p>Pejabat Pendaftar mendapatkan laporan-laporan Pengadil Peribadi yang dinamakan oleh calon dan Penilai Luar yang dinamakan oleh Jawatankuasa Kesepakaran bagi calon yang diperakurkan oleh Jawatankuasa Kesepakaran</p> <p>Kulliyyah / Pusat Pengajian perlu mendapatkan :</p> <ol style="list-style-type: none"> Laporan daripada Pengadil Peribadi : <ul style="list-style-type: none"> ▪ 2 laporan untuk Profesor; dan ▪ 2 laporan untuk Profesor Madya; Pejabat Pendaftar perlu mendapatkan laporan 	Jawatankuasa Kesepakaran		Pengerusi	: Pegawai Universiti yang bertaraf Profesor yang dilantik oleh Naib Canselor	Ahli	: Dua (2) orang Profesor dari UniSHAMS atau dari luar dan dalam bidang kepakaran calon;	dipohon	: Dua (2) orang Profesor Madya dari UniSHAMS dalam bidang kepakaran calon sekiranya jawatan yang adalah Profesor Madya; dan	Setiausaha	: Penolong Pendaftar (Gred 41 ke atas), Pejabat Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> - Borang Permohonan Kenaikan Pangkat 	Calon	
Jawatankuasa Kesepakaran														
Pengerusi	: Pegawai Universiti yang bertaraf Profesor yang dilantik oleh Naib Canselor													
Ahli	: Dua (2) orang Profesor dari UniSHAMS atau dari luar dan dalam bidang kepakaran calon;													
dipohon	: Dua (2) orang Profesor Madya dari UniSHAMS dalam bidang kepakaran calon sekiranya jawatan yang adalah Profesor Madya; dan													
Setiausaha	: Penolong Pendaftar (Gred 41 ke atas), Pejabat Pendaftar													
			Naib Canselor / Ketua KPB											
			Pejabat Pendaftar											
			Pejabat Pendaftar											
			Pejabat Pendaftar											
			Kulliyyah / Pusat Pengajian											

